



## Keganasan Keluarga dan Visa Pasangan

### Orang yang memegang visa Pasangan tidak perlu berada dalam perhubungan yang teraniaya semata-mata untuk tinggal di Australia.

Di Australia, keganasan rumah tangga dan keluarga tidak diterima sama sekali.

Seseorang pasangan, ahli-ahli keluarga atau orang lain dalam komuniti tidak dapat mengancam status visa anda.

Sekiranya anda memegang visa Pasangan sementara (subkelas 309 atau 820) atau visa Perkahwinan Prospektif (subkelas 300 dan mengalami keganasan keluarga dan perhubungan anda telah berakhir, terdapat peruntukan dalam undang-undang migrasi Australia yang membenarkan anda untuk meneruskan permohonan visa Pasangan tetap anda (subkelas 100 atau 801).

Sekiranya anda atau anda mengenali sesiapa yang berada dalam bahaya, hubungi pihak polis di talian **000**.

Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.

Untuk mendapatkan maklumat dan kaunseling sulit secara percuma, hubungi 1800RESPECT di talian **1800 737 732**.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

### Kerajaan Australia (Australian Government) tidak akan bertolak ansur terhadap keganasan rumah tangga dan keluarga dalam apa jua keadaan.

Keganasan rumah tangga dan keluarga adalah jenayah yang menyalahi undang-undang. Seseorang yang melakukan keganasan rumah tangga atau keluarga boleh dijatuhkan hukuman penjara, tidak kira sama ada mereka lelaki mahupun wanita.

Keganasan rumah tangga dan keluarga merangkumi tingkah laku atau ancaman yang bertujuan mengawal pasangan dengan menimbulkan rasa takut bagi keselamatan atau kesejahteraan mereka.

### Sesiapa yang mengalami keganasan rumah tangga atau keluarga di Australia boleh mendapat bantuan daripada perkhidmatan sokongan.

Anda boleh mendapatkan bantuan tidak kira apa status visa atau migrasi anda.

Tidak kira sama ada perhubungan anda telah berakhir ataupun tidak – anda masih boleh mendapatkan bantuan.

**1800RESPECT** ialah perkhidmatan Kaunseling bagi Serangan Seksual dan Keganasan Keluarga dan Rumah Tangga Kebangsaan Australia (Australia's National Sexual Assault, Family and Domestic Violence Counselling service). Ia menyediakan maklumat dan kaunseling sulit, secara percuma melalui telefon dan juga dalam talian. Kaunselor akan mendengar masalah anda, menjawab soalan dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan di kawasan tempatan anda.

Hubungi talian **1800 737 732** atau kunjungi laman web 1800RESPECT di **www.1800RESPECT.org.au**.

### Adakah anda memerlukan khidmat seorang jurubahasa?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa** (Translating and Interpreting Service - TIS) di talian **131 450**. Seorang penterjemah dari TIS akan membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain, walau bagaimanapun TIS tidak menyediakan khidmat kaunseling. Semua panggilan adalah percuma dan sulit.

**Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang keganasan keluarga sekiranya anda mempunyai visa:**

Maklumat lanjut mengenai keganasan keluarga dan visa terdapat di tapak web Jabatan Hal Ehwal Negara (**Department of Home Affairs**) di [www.homeaffairs.gov.au](http://www.homeaffairs.gov.au).